



MAKLUMAT DADAH

2018

AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

eISSN 2682-8723



9 772682 872008





MAKLUMAT DADAH

2018

AGENS ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



Kandungan

	M/S
RINGKASAN EKSEKUTIF	02
DASAR DADAH NEGARA	04
PENGENALAN AADK	06
BAHAGIAN I	
Ringkasan Penemuan Permintaan Dadah	
A. Senario Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan di Malaysia, 2018	10
B. Trend dan Profil Penagih, 2014-2018	18
BAHAGIAN II	
Ringkasan Penemuan Penawaran Dadah	28
BAHAGIAN III	
Statistik dan Program Berkaitan	
A. Pencegahan	34
B. Rawatan, Perubatan dan Pemulihan	38
C. Penguatkuasaan dan Keselamatan	49
D. Perangi Dadah Habis-habisan	54
BAHAGIAN IV	
Nota Teknikal	62
SENARAI JADUAL STATISTIK	
BAHAGIAN I	
Ringkasan Penemuan Permintaan Dadah	
Jadual 2.1: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut negeri dan anggaran penduduk, 2018	11
Jadual 2.2: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut kategori dadah, 2018	15
Jadual 2.3: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut pecahan dadah ATS	17
Jadual 2.4: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut pecahan kategori <i>Polydrugs</i> dan <i>Non-Polydrugs</i>	17

Trend dan profil penagih dadah, 2014-2018	Jadual 3.1 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut status kes	21
	Jadual 3.2 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut jantina	21
	Jadual 3.3 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut bangsa	21
	Jadual 3.4 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut kategori umur	22
	Jadual 3.5 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut kategori tahap pendidikan	22
	Jadual 3.6 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut kategori pekerjaan	23
	Jadual 3.7 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut kategori negeri	24
	Jadual 3.8 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut jenis dadah	25
	Jadual 3.9 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut sebab mengguna dadah	26

BAHAGIAN II

Ringkasan Penemuan Penawaran Dadah	Jadual 4.1: Bilangan tangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, 2014 - 2018	29
	Jadual 4.2: Rampasan dadah dan bahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, 2014 - 2018	30
	Jadual 4.3: Nilai harga dadah dalam pasaran, 2014-2018	31
	Jadual 4.4: Bilangan kes dan nilai bagi Akta Dadah Berbahaya (Perlucahkan Harta) 1988, 2014-2018	32
	Jadual 4.5: Bilangan kes dan tangkapan bagi makmal pemprosesan dadah yang dibongkarkan, 2014-2018	32

BAHAGIAN IV

A. Statistik Program Pencegahan	Jadual 5.1: KPI dan pelaksanaan program pencegahan berfokus	34
	Jadual 5.2: Statistik pelaksanaan ujian Urin ke atas murid di sekolah menengah	34
	Jadual 5.3: Kesedaran awam pameran statik (kekerapan pameran)	34
	Jadual 5.4: Jumlah pengunjung bagi kesedaran awam pameran statik	35
	Jadual 5.5: Kesedaran awam pameran bergerak (kekerapan pameran)	35
	Jadual 5.6: Jumlah pengunjung bagi kesedaran awam pameran bergerak	35
	Jadual 5.7: Statistik penyebaran mesej antidadah melalui media penyebaran	35

	Jadual 5.8: Jumlah pengunjung bagi penyebaran mesej antidadah melalui media penyiaran	36
	Jadual 5.9: Pencapaian program kesedaran awam untuk media cetak	37
B. Statistik Perkhidmatan Rawatan, Perubatan dan Pemulihan	Jadual 6.1: Statistik penagih yang dikesan dan berada di bawah perkhidmatan pemulihan AADK	38
	Jadual 6.2: Anggaran kos pembiayaan sehari bagi seorang penghuni di pusat pemulihan	38
	Jadual 6.3: Kemasukan terkumpul dan kapasiti di <i>Cure & Care Rehabilitation Centre</i> (CCRC)	39
	Jadual 6.4: Kemasukan terkumpul dan kapasiti di Klinik <i>Cure & Care</i> (C&C)	40
	Jadual 6.5: Jumlah penghuni dan kapasiti di <i>Cure & Care Vocational Centre</i> (CCVC)	40
	Jadual 6.6: Bilangan klien yang terlibat dalam pelaksanaan Modul ISRA	40
	Jadual 6.7: Statistik klien dalam Pelaksanaan Program Akses Pendidikan Klien (PAPK)	41
	Jadual 6.8: Bilangan klien Residen dan Non-Residen di <i>Cure & Care Service Centre</i> (CCSC)	42
	Jadual 6.9: Bilangan klien di Pusat Integrasi Klien (PIK)	44
	Jadual 6.10: Jumlah kehadiran dan program/ perkhidmatan di <i>Caring Community House</i> (CCH)	45
	Jadual 6.11: Statistik Pengekalan Kepulihan Orang Kena Pengawasan (OKP)	48
C. Statistik Perkhidmatan Penguatkuasaan dan Keselamatan	Jadual 7.1: Laporan tindakan penyelesaian terhadap Aduan Awam mengikut negeri	49
	Jadual 7.2: Bilangan Operasi, Saringan dan Positif Saringan Awal mengikut Negeri	50
	Jadual 7.3: Jumlah Bilangan Operasi, Saringan dan Positif Saringan Awal mengikut Inisiatif Antidadah Sempadan	50
	Jadual 7.4: Jumlah kapasiti sebenar Mengikut Lokap atau Pusat Tahanan Reman AADK	51
	Jadual 7.5: Jumlah OKP di bawah Pemulihan dalam Komuniti	52
	Jadual 7.6: Jumlah Kertas Siasatan bagi tahun 2017 dan 2018	52
D. Statistik Program Perangi Dadah Habis-Habisan	Jadual 8.1: Jumlah program yang telah dilaksanakan mengikut kawasan	53
	Jadual 8.2: Jumlah Operasi Cegah dan Bersepadu mengikut Daerah	54



MAKLUMAT DADAH

2018

RINGKASAN EKSEKUTIF



RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerbitan Buku Maklumat Dadah 2018 merupakan satu naskah yang mengandungi empat (4) bahagian utama iaitu ringkasan penemuan permintaan dadah, ringkasan penemuan penawaran dadah, statistik dan program yang telah dilaksanakan serta nota teknikal.

Buku ini melaporkan data dan maklumat yang dikumpulkan dari pelbagai kementerian / jabatan / agensi serta Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP). Satu pangkalan data penyalah guna dan penagih dadah & bahan yang komprehensif telah dihasilkan dengan kerjasama padu daripada semua pembekal data melalui Jawatankuasa *Task Force* Penyelarasan Data Penyalahgunaan Dadah dan Bahan Peringkat Kebangsaan.

Bahagian satu (1) memaparkan maklumat senario penyalah guna dan penagih dadah & bahan di Malaysia pada tahun 2018 serta trend dan profil penagih yang dikesan oleh pihak AADK bagi tempoh lima (5) tahun. Sejumlah 130,788 orang telah dikenalpasti terlibat dalam penyalahgunaan dadah di Malaysia. Hasil penemuan mendapati daripada anggaran penduduk Malaysia berjumlah 32.4 juta orang, bagi 100,000 orang penduduk terdapat 404 orang penyalah guna dan penagih dadah & bahan. Dapatan pangkalan data ini menunjukkan trend penggunaan dadah telah berubah secara drastik daripada dadah jenis tradisional kepada dadah jenis sintetik. Penyalahgunaan dadah jenis *Amphetamine-Type Stimulants* (ATS) terutamanya *Methamphetamine* menyumbang kepada 64.6 peratus berbanding dadah jenis Opiat dan Ganja masing-masing iaitu 31.5 peratus dan 3.3 peratus. Majoriti penggunaan *Amphetamine-Type Stimulants* (ATS) adalah dalam kalangan remaja (13-18 tahun) dan belia (19-39 tahun) dengan catatan masing-masing sebanyak 84.9 peratus dan 71.4 peratus.

Penagih yang dikesan oleh AADK pada tahun 2018 telah menurun sebanyak 2.5 peratus. Penurunan ini disebabkan oleh keberkesanan Program Perangi Dadah Habis-Habisan, Program Pencegahan Berfokus secara bersepadu, keberkesanan program pengesanan penagih dadah, peningkatan kerjasama komuniti, peningkatan klien yang mendapatkan rawatan secara sukarela serta keberkesanan program rawatan dan pemulihan.

Manakala bahagian dua (2) memuatkan maklumat berkaitan penawaran dadah seperti tangkapan dan rampasan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dalam tempoh lima (5) tahun. Trend penawaran dadah di pasaran telah menunjukkan dadah sintetik menjadi dominan berbanding dadah jenis tradisional. Harga dadah di pasaran bagi *Methamphetamine (Crystalline)* telah menurun sebanyak 28.6 peratus pada tahun 2018. Penurunan harga ini disebabkan berlakunya lambakan dadah dalam pasaran. Kejayaan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam mengekang aktiviti pemprosesan dadah secara haram yang telah dibuktikan dengan peningkatan bilangan kes dan tangkapan pembongkaran makmal haram masing-masing sebanyak 94.9 peratus dan 61.6 peratus.

Seterusnya bahagian tiga (3) memaparkan jadual-jadual serta program berkaitan pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan dan keselamatan serta Program Perangi Dadah Habis-Habisan. Bahagian terakhir penerbitan merupakan maklumat nota teknikal atau penerangan kepada input penawaran dan permintaan dadah.

Statistik yang dipaparkan di dalam penerbitan ini adalah menyeluruh. Ia merangkumi input penawaran dan permintaan dadah serta boleh dijadikan asas dalam merangka pendekatan yang lebih strategik untuk menangani permasalahan dadah dengan berpandukan teras yang telah digariskan di dalam Dasar Dadah Negara 2017.

DASAR DADAH NEGARA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Agensi Antidadah Kebangsaan

Hotline

03 8911 2233

www.adk.gov.my



@AADKMalaysia



Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

Melahir dan Membangunkan

RAKYAT MALAYSIA BEBAS DADAH



DASAR DADAH NEGARA

Dasar Dadah Negara (DDN) menjadi satu kerangka kerja yang komprehensif dan terselaraskan dalam usaha mencegah, merawat dan memulih, menguatkuasakan undang-undang, dan mengurangkan kemudaratan masalah penagihan dadah. Semua agensi penguatkuasaan dadah dan agensi-agensi kerajaan yang lain, termasuk badan-badan bukan kerajaan, akan menjadikan dasar ini sebagai rujukan dan panduan dalam usaha menangani masalah dadah dalam negara. DDN akan membantu usaha-usaha kerajaan untuk mencapai matlamat mengurangkan penawaran dan permintaan (*supply and demand reduction*) terhadap dadah di Malaysia, serta rujukan dalam menangani senario gejala dadah semasa yang dihadapi negara.

Dasar ini merupakan pengemaskinian dan penambahbaikan kepada DDN 1996 dan sejajar dengan Arahan Y.A.B Perdana Menteri No. 1 tahun 2004.

DDN dibina berasaskan 3 konsep utama iaitu multidisiplin, komprehensif dan kepelbagaian.


KRONOLOGI



MATLAMAT



AGensi PELAKSANA





Pengenalan AADK

Sejak dadah diisytiharkan sebagai Musuh Nombor Satu Negara pada 19 Februari 1983, pembanterasan permasalahan dadah sentiasa menjadi agenda utama pihak kerajaan. Pelbagai usaha telah dilakukan dalam mengurangkan penawaran dan permintaan terhadap dadah di dalam Negara, di mana usaha-usaha ini digerakkan secara kolaboratif di antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

Pengisytiharan dadah sebagai Musuh Nombor Satu Negara ketika itu dibuat memandangkan permasalahan penyalahgunaan dadah dan bahan dalam negara dijangka akan mencapai tahap epidemik sekiranya langkah-langkah tegas tidak diambil untuk membanterasnya. Selain itu, sasaran utama penagihan dadah ialah generasi muda yang merupakan tulang belakang dan harapan negara di masa hadapan. Penagihan dan pengedaran dadah yang berleluasa telah mengancam kesejahteraan sosio-ekonomi, rohani dan budaya masyarakat dan seterusnya melemahkan ketahanan nasional serta keselamatan negara.

Selaras dengan usaha tersebut, Dasar Dadah Negara (DDN) telah digubal pada tahun 2017 supaya ia menjadi satu dasar menyeluruh yang menggabungkan pendekatan ke arah mengurangkan permintaan dan penawaran dadah merangkumi ke semua teras serta bidang keutamaan yang menjadi tonggak dalam usaha mencegah, merawat dan memulih, mengurangkan kemudaratan, menguatkuasakan undang-undang berkaitan dadah secara holistik serta kerjasama antarabangsa. Penggubalan dasar ini amat wajar dan selari dengan perkembangan serta senario dadah semasa di peringkat nasional dan dunia. Dasar ini juga bertepatan dengan transformasi perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan untuk rawatan dan pemulihan penagihan dadah.



Visi

MASYARAKAT MALAYSIA BEBAS DADAH



Misi

AGENSI UTAMA MEMERANGI DADAH



Objektif

- Mencegah seseorang dari terlibat dengan dadah
- Merawat dan memulih penagih dadah
- Mencegah penagihan semula
- Membanteras bekalan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah



Dasar
Kualiti

Agensi Antidadah Kebangsaan komited dalam menyampaikan perkhidmatan berkaitan Rawatan, Perubatan dan Pemulihan, Pendidikan dan Pencegahan serta Penguatkuasaan dan Keselamatan kepada pelanggan dengan lebih cekap dan berkesan sejajar dengan Visi dan Misi AADK.

AADK melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan.





MAKLUMAT
DADAH

2018

BAHAGIAN I
RINGKASAN PENEMUAN
PERMINTAAN DADAH



A. SENARIO PENYALAH GUNA DAN PENAGIH DADAH & BAHAN DI MALAYSIA, 2018

Buku Maklumat Dadah, 2018 merupakan penerbitan pertama yang memaparkan statistik menyeluruh berkaitan penyalahgunaan dan penagihan dadah & bahan di Malaysia. Data-data yang dipaparkan merangkumi data tangkapan di bawah Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM); data klien yang menerima rawatan dan pemulihan di institusi dan komuniti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983; data pesakit yang menerima rawatan penagihan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan data pesakit yang menerima rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP).

Statistik penyalah guna dan penagih dadah & bahan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 149,322 kes. Daripada jumlah tersebut, 130,788 orang telah dikenalpasti sebagai penyalah guna dan penagih dadah & bahan. Manakala sejumlah 18,534 orang merupakan penyalah guna dan penagih dadah & bahan yang menerima rawatan dan pemulihan lebih daripada satu kali pada tahun 2018.

Berikut dipaparkan jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut negeri dan anggaran penduduk bagi tahun 2018 (Jadual 2.1). Daripada jumlah 130,788 orang, terdapat tiga buah negeri yang mencatat bilangan penyalah guna dan penagih dadah & bahan yang tertinggi iaitu Pahang (12.1 peratus), Kelantan (11.4 peratus), dan Selangor (11.3 peratus). Selain itu, ratio bilangan penyalah guna dan penagih dadah & bahan per anggaran penduduk menunjukkan negeri Pahang, Perlis dan Kelantan mencatatkan nisbah yang tertinggi masing-masing iaitu 0.95 peratus, 0.84 peratus dan 0.80 peratus. Kedudukan negeri-negeri yang berdekatan sempadan seperti Kelantan dan Perlis merupakan salah satu faktor risiko untuk terdedah kepada aktiviti penyalahgunaan dan penagihan dadah & bahan.

Di samping itu, faktor kepadatan penduduk memberi kesan terhadap nisbah bilangan penyalah guna dan penagih dadah & bahan per jumlah penduduk adalah tinggi iaitu seperti negeri Pahang, Selangor dan Kelantan. Daripada anggaran penduduk Malaysia berjumlah 32.4 juta orang, didapati bagi 100,000 orang penduduk bersamaan 404 orang penyalah guna dan penagih dadah & bahan untuk tahun 2018.

Jika dibandingkan dengan data penagih dadah yang mendapat rawatan secara keseluruhan di peringkat ASEAN pada tahun 2017, didapati bagi 100,000 orang penduduk ASEAN bersamaan 50.6 orang. Terdapat tiga (3) buah negara menunjukkan nisbah bilangan penagih dadah per anggaran penduduk tertinggi iaitu Thailand (266.1 orang), Cambodia (107.9 orang) dan Vietnam (95.2 orang).¹

¹ Manop Kanato, Chuanpit Choomwattana, Rachanikorn Sarasiri, Poonrut Leyatikul, (Eds.), 2018. ASEAN DRUG MONITORING REPORT 2017. Bangkok: ASEAN Narcotics Cooperation Center.

Jadual 2.1: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut negeri dan anggaran penduduk, 2018

Negeri	Bilangan Penyalh Guna dan Penagih Dadah & Bahan 2018	%	Anggaran Jumlah Penduduk 2018 ('000)	Ratio Bilangan Penyalh Guna dan Penagih Dadah & Bahan/ Anggaran Penduduk	Bilangan Penyalh Guna dan Penagih Dadah & Bahan bagi Per 100,000 Penduduk
Johor	12,313	9.4%	3,742.20	0.33	329
Kedah	11,735	9.0%	2,163.70	0.54	542
Kelantan	14,871	11.4%	1,856.80	0.80	801
Melaka	4,150	3.2%	922.20	0.45	450
Negeri Sembilan	6,356	4.9%	1,130.10	0.56	562
Pahang	15,886	12.1%	1,665.70	0.95	954
Pulau Pinang	9,084	6.9%	1,766.80	0.51	514
Perak	8,300	6.3%	2,504.90	0.33	331
Perlis	2,123	1.6%	253.80	0.84	836
Selangor	14,743	11.3%	6,472.40	0.23	228
Terengganu	9,453	7.2%	1,230.40	0.77	768
Sabah*	8,571	6.6%	3,998.50	0.21	214
Sarawak	4,762	3.6%	2,792.00	0.17	171
WP Kuala Lumpur**	8,441	6.5%	1,885.60	0.45	448
Jumlah	130,788	100.0%	32,385.10	0.40	404

Sumber: Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian


Nota:

* Termasuk WP Labuan

** Termasuk WP Putrajaya


Senario Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan, 2018

Carta 1



Carta 1 menunjukkan jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut jantina bagi tahun 2018. Secara amnya, majoriti golongan lelaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah iaitu sejumlah 125,320 orang atau 95.8 peratus berbanding golongan wanita hanya 5,468 orang atau 4.2 peratus.


Carta 2



Carta 2 menunjukkan jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut bangsa bagi tahun 2018. Rekod mencatatkan bahawa majoriti bangsa Melayu terlibat dalam penyalahgunaan dadah (76.1 peratus) diikuti Cina (8.6 peratus), India (6.6 peratus) dan lain-lain (8.7 peratus).

	Melayu	Cina	India	Pribumi Sabah	Lain-lain	Pribumi Sarawak
Bilangan Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan 2018	99,535	11,205	8,676	7,419	2,201	1,752

Carta 3



Bilangan Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan 2018

- Belia (19-39 Tahun)
- Dewasa (> 40 tahun)
- Remaja (13-18 tahun)
- Tiada Maklumat
- Kanak-ank (< 12 tahun)

Pecahan mengikut kategori umur dipaparkan pada Carta 3. Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan dalam kalangan golongan Belia yang berumur dalam lingkungan 19 sehingga 39 tahun amat membimbangkan yang mana mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 69.3 peratus bagi tahun 2018. Manakala golongan Dewasa dan Remaja masing-masing mencatatkan 26.7 peratus dan 3.8 peratus bagi tahun 2018.


Carta 4



Carta 4 menunjukkan jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut taraf pendidikan bagi tahun 2018. Daripada jumlah 130,788 orang yang terlibat, rekod menunjukkan penyalah guna dan penagih dadah & bahan yang tidak bersekolah adalah sebanyak 35.7 peratus. Manakala 6.7 peratus mempunyai taraf pendidikan peringkat sekolah rendah (*primary*), diikuti 48.6 peratus mempunyai taraf pendidikan peringkat menengah (*secondary*) dan 3.1 peratus mempunyai taraf pendidikan peringkat *tertiary*.

Carta 5 menunjukkan jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut kategori pekerjaan bagi tahun 2018. Latar belakang bagi kategori pekerjaan menunjukkan 77,246 orang atau 35.6 peratus yang mempunyai pekerjaan. Manakala kategori penganggur adalah sejumlah 46,811 orang atau 35.7 peratus.

Carta 5



	Penganggur	Buruh	Swasta	Rencam/ Sambilan	Bekerja Sendiri	Tiada Pekerjaan	Kerajaan	Penuntut	Pesara
● Bilangan Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan 2018	46,811	31,498	23,433	14,602	6,752	6,227	961	481	23

Nota:

Tiada pekerjaan merujuk kepada orang yang tidak berupaya bekerja, suri rumah dan tiada maklumat pekerjaan

Senario Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan, 2018

Jadual 2.2: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut kategori dadah

Kategori Dadah	Bilangan Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan 2018	%
Opiat	41,323	31.5%
<i>Amphetamine-Type Stimulants</i>	84,439	64.6%
Ganja	4,327	3.3%
Pil Psikotropik	75	0.1%
Candu	14	0.01%
Lain-lain (cth: Ketum, Kokain, Ketamin, Depressen, Dissociative, Hallucinogen, Inhalan dll)	610	0.5%
Jumlah	130, 788	100

Nota:

Opiat: Heroin, Morfin, Kodein & Metadon

Amphetamine-Type Stimulants: i) *Methamphetamine crystalline* (Syabu, Ice, Batu)

ii) *Methamphetamine tablets* (Pil Kuda, Pil YABA, Pil YAMA dan Pil Bom)

iii) *Ecstasy*

iv) *Amphetamine*

Ganja: Ganja, Hashish & Marijuana

Pil Psikotropik: Benzodiazepine, Pil Psikotropik, Eramin, APO 5 dan Dormicum


Lain-lain: Ketum, Kokain, Ketamin, Depressen, Dissociative, Hallucigen, Inhanlan DLL

Jadual 2.2 menunjukkan jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut kategori dadah bagi tahun 2018. Dadah kategori *Amphetamine-Type Stimulants* (ATS) mencatat bilangan pengambilan tertinggi sebanyak 64.6 peratus. Manakala kategori Opiat dan Ganja masing-masing mencatat sebanyak 31.5 peratus dan 3.3 peratus. Trend penggunaan dadah bagi tahun 2018 adalah dadah jenis sintetik. Perubahan trend ini adalah selaras dengan trend yang berlaku di peringkat ASEAN, di mana lebih 50 peratus penagih yang mendapat rawatan telah menggunakan dadah jenis ATS².

² Ibid, muka surat 6

Senario Penyalah Guna & Penagih Dadah & Bahan, 2018

Carta 6



Carta 6 menunjukkan trend dadah yang disalah guna mengikut kategori umur bagi tahun 2018. Dadah jenis *Amphetamine-Type Stimulants* (ATS) merekodkan penggunaan tertinggi dalam kalangan remaja (13-18 tahun) dan belia (19-39 tahun) masing-masing mencatat sebanyak 84.9 peratus dan 71.4 peratus. Manakala penggunaan Opiat tertinggi adalah dalam kalangan dewasa (umur 40 dan ke atas) iaitu sebanyak 52.7 peratus.

Jadual 2.3: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut pecahan dadah ATS

<i>Amphetamine-Type Stimulants (ATS)</i>	Bilangan Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan	%
<i>Methamphetamine crystalline</i> (Syabu, Ice, Batu)	66,202	78.4%
<i>Amphetamine</i>	12,562	14.9%
<i>Methamphetamine tablets</i> (Pil Kuda, Pil YABA, Pil YAMA & Pil Bom)	5,555	6.6%
<i>Ecstasy</i>	120	0.1%
Jumlah	84,439	100

Jadual 2.3 menunjukkan data penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut pecahan dadah ATS. *Methamphetamine crystalline* merupakan dadah yang paling tinggi disalahguna iaitu 78.4%, diikuti oleh *Amphetamine* (14.9%) dan *Methamphetamine tablets* (6.6%).

Senario Penyalah Guna dan Penagih Dadah & Bahan, 2018

Jadual 2.4: Jumlah penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut pecahan kategori *Polydrugs* dan *Non-Polydrugs*

Kategori	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
<i>Polydrugs</i>	8,393	448	8,841	6.8%
<i>Non-polydrugs</i>	116,927	5,020	121,947	93.2%
Jumlah	125,320	5,468	130,788	100

Jadual 2.4 menunjukkan data penyalah guna dan penagih dadah & bahan mengikut kategori *Polydrugs* dan *Non-Polydrugs*. Kategori *polydrugs* merupakan penyalah guna dan penagih dadah & bahan yang mengambil dadah lebih daripada satu jenis dalam satu masa tertentu. Rekod menunjukkan bahawa 93.2 peratus adalah *non-polydrugs* dan selebihnya iaitu 6.8 peratus adalah penyalah guna dan penagih *polydrugs*. Daripada sejumlah 8,841 orang penyalah guna dan penagih *polydrugs*, 95.9 peratus menggunakan dua (2) jenis dadah, manakala 4.1 peratus menggunakan tiga (3) dan ke atas jenis dadah.

B. TREND & PROFIL PENAGIH DADAH, 2014-2018

Jadual 3.1 sehingga 3.10 memaparkan trend dan profil penagih dadah dalam tempoh lima (5) tahun yang menerima program rawatan dan pemulihan di Agensi Antidadah Kebangsaan.

Berdasarkan perbandingan statistik 2017 dan 2018, kes dan bilangan penagih yang dikesan oleh AADK telah menurun masing-masing sebanyak 5.3 peratus dan 2.5 peratus (Jadual 3.1). Penurunan ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut iaitu:

1) Keberkesanan Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH)

Salah satu faktor penurunan ini adalah disebabkan oleh keberkesanan program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016. Pada tahun 2018 program PDH telah diperluaskan kepada 178 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara. Terdapat enam (6) strategi dijalankan secara kolaboratif dengan Agensi kerajaan, swasta dan NGO iaitu seperti *Community Empowerment* (CE), *Omnipresence*, Ops Cegah, Ops Bersepadu, Ikon Antidadah dan Kempen Melalui Media. Jumlah program yang telah dilaksanakan di 178 kawasan PDH bagi tahun 2018 adalah sebanyak 53,348 program. Program PDH bagi 64 buah kawasan yang dilaksanakan bagi tahun 2018 telah meningkat sebanyak 12.0 peratus³ dari tahun 2017.

2) Program Pencegahan Berfokus Secara Bersepadu

Program pencegahan berfokus turut dilaksanakan secara bersepadu di kawasan PDH. Ini merupakan faktor kedua yang menyumbang kepada penurunan bilangan penagih pada tahun 2018. Program pencegahan berfokus merangkumi program pendidikan keluarga, komuniti, institusi pendidikan, tempat kerja, kesedaran awam dan kesukarelaan. Program pencegahan berfokus yang dilaksanakan pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak 5.8 peratus berbanding tahun 2017 (rujuk jadual 5.1). Ini turut disokong dengan penurunan sebanyak 20.8 peratus positif urin ke atas murid di sekolah menengah pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Secara tidak langsung, ia menggambarkan bahawa program pencegahan yang dilaksanakan di kawasan berisiko tinggi mempunyai impak yang positif.

3) Keberkesanan Program Pengesanan Penagih Dadah

Program pengesanan penagih dadah telah dilaksanakan secara agresif pada tahun 2018. Ini dibuktikan melalui peningkatan bilangan operasi sebanyak 20.2 peratus atau 6,528 operasi berbanding 5,431 operasi pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, saringan ujian urin positif menunjukkan penurunan sebanyak 33.1 peratus (Jadual 7.2). Maklumat ini menunjukkan bahawa kes dan jumlah penagih yang dikesan telah berkurang dalam tempoh tersebut walaupun operasi ditingkatkan di seluruh negara.

³ Rujuk jadual 8.1 dan jumlah program PDH yang dilaksanakan mengikut kawasan bagi tahun 2017 adalah 18, 435 program.

Di samping itu, pihak berkuasa telah berjaya membersihkan *port-port* penagihan dadah dalam kawasan berisiko tinggi yang dikenalpasti. Susulan pelaksanaan operasi tersebut, lokasi aktiviti penagihan dadah telah berubah ke tempat kediaman, kawasan hakmilik persendirian dan rumah-rumah tumpangan terutama di kawasan bandar. Oleh itu, bilangan penagih dadah yang dikesan semakin menurun kerana hasil tangkapan di *port* penagihan berkurangan.

4) Peningkatan Kerjasama Komuniti

Pemerkasaan komuniti melalui pelaksanaan *Community Empowerment* terutamanya di 178 kawasan berisiko tinggi turut menyumbang kepada penurunan bilangan penagih dadah yang dikesan pada tahun 2018. AADK telah melaksanakan 97 Program *Training of Trainers* (ToT) kepada 5,525 orang yang terdiri daripada sukarelawan, pemimpin masyarakat, ahli jawatankuasa masjid, ketua agama dan pemimpin belia. Pengisian program ini adalah untuk memberi pendedahan tentang kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah, pengetahuan mengenai kaedah penilaian kawasan berisiko serta meningkatkan kesedaran mengenai fungsi dan peranan mereka dalam membanteras dadah di kawasan masing-masing. Program ini memberikan hasil yang positif di mana komuniti telah mengambil tindakan terhadap permasalahan dadah di kawasan mereka melalui penyaluran aduan kepada pihak berkuasa. Jumlah aduan yang diterima oleh AADK pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak 5.8 peratus atau 8,909 aduan (Jadual 7.1) berbanding tahun sebelumnya. Komuniti yang prihatin akan membantu mengurangkan permasalahan dadah di persekitaran mereka.

5) Peningkatan Klien Sukarela

Pengurangan penagih yang dikesan pada tahun 2018 berpunca daripada peningkatan klien yang mendapatkan rawatan dan pemulihan secara sukarela. Jadual 7.5 menunjukkan sejumlah 5,110 Orang Kena Pengawasan (OKP) secara sukarela direkodkan pada tahun 2018 berbanding 4,742 OKP pada tahun 2017 dengan peningkatan sebanyak 7.8 peratus.

6) Keberkesanan Program Rawatan dan Pemulihan

Jadual 3.1 menunjukkan statistik penagih berulang (per individu) telah menurun sebanyak 10.3 peratus bagi perbandingan antara tahun 2017 dan 2018. Ini membuktikan program rawatan dan pemulihan menunjukkan keberkesananannya. Penagih dadah yang telah menamatkan rawatan dan pemulihan dapat mengekalkan kepuhlian mereka di sepanjang tahun 2018. Walau bagaimanapun, statistik bagi penagih berulang (per kes) menunjukkan peningkatan sebanyak 4.2 peratus. Ini disebabkan oleh penagih yang dikesan mengulangi tabiat penagihan dalam tempoh yang sama.

Relaps merupakan proses kepuhlian.⁴ Kepuhlian penagihan dadah adalah proses sepanjang hayat. Relaps yang berlaku bukanlah suatu kegagalan tetapi ia merupakan satu *milestone* yang signifikan

⁴ National Institute on Drug Abuse, Drugs, Brains, and Behaviour: The Science of of Addiction, <https://www.drugabuse.gov/publications/drugs-brains-behaviour-science-addiction/treatment-recovery>, retrieved 15 Ogos 2019

untuk menyemak dan membina semula daya tahan bekas penagih. Perkara lain yang harus diteliti adalah nisbah Pegawai Pemulihan dan Klien yang perlu seimbang dan selaras dengan standard amalan terbaik antarabangsa serta meningkatkan latihan dan kemahiran untuk pegawai pemulihan dan penyedia-penyedia perkhidmatan.

Kesimpulannya, penggunaan pendekatan yang seimbang di antara pendekatan penawaran dan permintaan menyumbang secara signifikan terhadap penurunan kes-kes penagih yang dikesan disepanjang tahun 2018. Trend yang sama turut dilihat apabila negara-negara seperti Cambodia, Filipina dan Singapura berjaya menurunkan jumlah penagih yang dikesan melalui pelaksanaan program pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan yang agresif serta seimbang⁵.

⁵ Manop Kanato, Chuanpit Choomwattana, Rachanikorn Sarasiri, Poonrut Leyatikul, (Eds.), 2018. ASEAN DRUG MONITORING REPORT 2017. Bangkok: ASEAN Narcotics Cooperation Center

Jadual 3.1: Jumlah penagih yang dikesan mengikut status kes, 2014 - 2018

Status Kes/Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Kes Baru	Per Kes	13,605	20,289	22,923	18,440	17,474
	Per Individu	11,712	17,947	22,814	18,112	17,315
Kes Berulang	Per Kes	8,172	6,379	7,921	7,482	7,793
	Per Individu	9,863	7,643	4,648	3,242	2,908
Jumlah	Per Kes	21,777	26,668	30,844	25,922	25,267
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Jadual 3.2: Jumlah penagih yang dikesan mengikut jantina, 2014 - 2018

Jantina/ Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Lelaki	Per Kes	21,078	25,655	29,660	24,926	24,314
	Per Individu	20,878	24,599	26,396	20,464	19,392
Perempuan	Per Kes	699	1,013	1,184	996	953
	Per Individu	697	991	1,066	890	831
Jumlah	Per Kes	21,777	26,668	30,844	25,922	25,267
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Jadual 3.3: Jumlah penagih yang dikesan mengikut bangsa, 2014 - 2018

Bangsa/Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Melayu	Per Kes	17,122	21,335	24,901	20,956	20,671
	Per Individu	16,940	20,515	22,340	17,405	16,497
Cina	Per Kes	1,828	2,117	2,182	1,947	1,480
	Per Individu	1,809	1,987	1,826	1,475	1,148
India	Per Kes	1,657	2,113	2,428	1,760	1,602
	Per Individu	1,660	2,002	2,010	1,260	1,159
Pribumi Sabah	Per Kes	842	774	977	999	1,087
	Per Individu	839	766	948	975	1,038
Pribumi Sarawak	Per Kes	180	148	154	113	223
	Per Individu	179	148	154	111	202
Lain-lain*	Per Kes	148	181	202	147	204
	Per Individu	148	172	184	128	179
Jumlah	Per Kes	21,777	26,668	30,844	25,922	25,267
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan

*Merujuk kepada Punjabi, Siam, Serani dan Orang Asli

Jadual 3.4: Jumlah penagih yang dikesan mengikut kategori umur, 2014 - 2018

Kategori Umur/Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Remaja (13-18 tahun)	Per Kes	622	717	826	694	550
	Per Individu	615	713	810	683	541
Belia (19-39 tahun)	Per Kes	15,692	19,578	22,709	18,823	18,417
	Per Individu	15,540	18,799	20,335	15,812	15,131
Dewasa (≥40 tahun)	Per Kes	5,463	6,373	7,309	6,405	6,300
	Per Individu	5,420	6,078	6,317	4,859	4,551
Jumlah	Per Kes	21,777	26,668	30,844	25,922	25,267
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Jadual 3.5: Jumlah penagih yang dikesan mengikut kategori tahap pendidikan, 2014 - 2018

Kategori Tahap Pendidikan/Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Tidak bersekolah	Per Kes	1,909	2,681	3,351	3,751	4,044
	Per Individu	1,784	2,441	2,992	3,293	3,563
Sekolah Rendah	Per Kes	2,694	2,862	2,898	2,370	2,118
	Per Individu	2,707	2,773	2,529	1,848	1,588
LCE/SRP/PMR	Per Kes	8,662	10,326	11,730	9,082	8,451
	Per Individu	8,570	9,911	10,297	7,192	6,459
MCE/SPM/SPMV	Per Kes	7,502	9,445	11,314	9,311	9,114
	Per Individu	7,520	9,156	10,189	7,760	7,283
HSC/STP/STPM	Per Kes	188	171	218	166	166
	Per Individu	184	158	205	135	132
Diploma	Per Kes	290	453	506	473	540
	Per Individu	289	449	475	439	479
Ijazah/Masters/PhD	Per Kes	44	77	96	113	114
	Per Individu	43	77	92	106	103
Lain-lain (seperti Sijil Kemahiran)*	Per Kes	488	653	731	656	720
	Per Individu	478	625	683	581	616
Jumlah	Per Kes	21,777	26,668	30,844	25,922	25,267
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan

*Termasuk Matrikulasi; Sijil Kemahiran Bukan MLVK Asas; Sijil Kemahiran Bukan MLVK Lanjutan; Sijil Kemahiran Bukan Teknikal; Sijil kemahiran MLVK dan lain-lain sijil kemahira yang berkaitan.

Jadual 3.6: Jumlah penagih yang dikesan mengikut kategori pekerjaan,
2014 - 2018

Kategori Pekerjaan/ Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Binaan	Per Kes	606	531	453	297	303
	Per Individu	540	483	437	263	261
Buruh Am	Per Kes	4,805	5,086	5,232	5,416	5,621
	Per Individu	4,594	4,924	5,025	4,726	4,489
Hiburan	Per Kes	37	48	27	41	19
	Per Individu	37	45	23	39	19
Jualan	Per Kes	1,837	2,061	2,101	1,708	1,607
	Per Individu	1,657	1,908	2,034	1,542	1,392
Pengangur	Per Kes	2,746	3,911	4,533	4,125	3,650
	Per Individu	2,688	3,713	4,345	3,547	2,986
Pengangkutan	Per Kes	1,144	1,245	1,230	950	940
	Per Individu	1,066	1,185	1,182	854	796
Pengurusan*	Per Kes	179	199	215	247	207
	Per Individu	166	192	211	234	197
Penuntut	Per Kes	197	269	298	281	186
	Per Individu	179	260	295	274	184
Perkeranian	Per Kes	51	52	66	66	58
	Per Individu	48	47	64	64	55
Perkhidmatan	Per Kes	2,460	2,348	2,299	1,744	1,822
	Per Individu	2,219	2,190	2,210	1,574	1,595
Perkilangan	Per Kes	502	522	576	465	421
	Per Individu	468	475	563	432	378
Pertanian/Perikanan	Per Kes	1,814	1,969	1,857	1,443	1,457
	Per Individu	1,633	1,856	1,794	1,242	1,197
Rencam/Sambilan	Per Kes	4,155	7,117	10,643	8,173	8,086
	Per Individu	5,152	7,079	8,011	5,676	5,890
Teknikal	Per Kes	1,244	1,310	1,314	966	890
	Per Individu	1,128	1,233	1,268	885	784
Jumlah	Per Kes	21,777	26,668	30,844	25,922	25,267
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,352	20,223

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan

*Termasuk kakitangan awam

Jadual 3.7: Jumlah penagih yang dikesan mengikut Negeri,
2014 - 2018

Negeri/Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Johor	Per Kes	1,992	2,541	2,565	2,108	2,352
	Per Individu	1,999	2,470	2,403	1,901	2,085
Kedah	Per Kes	2,535	2,945	3,862	2,655	2,693
	Per Individu	2,559	2,893	3,641	2,343	2,155
Kelantan	Per Kes	1,399	1,994	3,233	3,700	4,153
	Per Individu	1,384	1,944	2,860	3,179	3,336
Melaka	Per Kes	845	944	930	613	736
	Per Individu	828	936	876	527	582
Negeri Sembilan	Per Kes	951	1,050	1,172	1,012	1,374
	Per Individu	937	1,038	1,123	847	1,128
Pahang	Per Kes	1,903	2,066	2,419	2,088	1,749
	Per Individu	1,865	1,985	2,119	1,712	1,420
Perak	Per Kes	2,716	3,106	2,639	1,557	1,820
	Per Individu	2,716	3,058	2,439	1,323	1,466
Perlis	Per Kes	499	781	692	654	582
	Per Individu	470	694	596	489	405
Pulau Pinang	Per Kes	2,780	4,280	5,081	3,844	2,303
	Per Individu	2,715	3,784	3,549	2,077	1,043
Sabah	Per Kes	940	898	1,044	1,047	1,200
	Per Individu	939	891	1,025	1,008	1,147
Sarawak	Per Kes	854	658	534	440	693
	Per Individu	845	639	515	419	630
Selangor	Per Kes	2,051	2,987	3,176	2,375	2,228
	Per Individu	2,054	2,907	3,015	2,159	1,940
Terengganu	Per Kes	579	1,022	1,676	2,044	2,057
	Per Individu	576	1,006	1,629	1,845	1,766
WP Kuala Lumpur	Per Kes	1,698	1,328	1,695	1,655	1,223
	Per Individu	1,653	1,282	1,548	1,395	1,021
WP Labuan	Per Kes	19	36	79	92	72
	Per Individu	19	35	78	92	70
WP Putrajaya	Per Kes	16	32	47	38	32
	Per Individu	16	28	46	38	29
Jumlah	Per Kes	21,777	26,668	30,844	25,922	25,267
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan

Jadual 3.8: Jumlah penagih mengikut jenis dadah, 2014 -2018

Jenis Dadah/ Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Opiat*	Per Kes	14,502	16,616	16,985	10,154	7,746
	Per Individu	13,959	15,288	14,579	7,580	5,773
<i>Methamphetamin (crystalline)</i>	Per Kes	4,117	8,133	10,107	10,419	11,531
	Per Individu	4,124	7,457	8,624	8,392	8,698
<i>Methamphetamin (tablet)</i>	Per Kes	1,919	1,389	1,236	1,066	4,853
	Per Individu	1,221	861	2,310	3,697	3,822
Ganja	Per Kes	1,239	674	2,631	4,366	1,122
	Per Individu	1,762	1,354	1,192	974	944
ATS**	Per Kes	535	635	764	764	1,152
	Per Individu	478	604	726	695	954
Lain-lain****	Per Kes	8	7	18	9	19
	Per Individu	24	19	19	11	17
Pil Psikotropik***	Per Kes	35	25	23	13	26
	Per Individu	7	7	12	5	15
Jumlah	Per Kes	22,355	27,479	31,764	26,791	26,449
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan

Nota:

- I. *Merujuk kepada Heroin dan Morfin
- II. **Merujuk kepada Ecstasy dan *Amphetamine*
- III. Ganja : Ganja, Hashish dan Marijuana
- IV. *Methamphetamine (crystalline)*: Syabu, Ice dan Batu
- V. *Methamphetamine (tablets)*: Pil Kuda, Pil YABA, Pil YAMA dan Pil Bom
- VI. ***Termasuk *Benzodiazepine*, Pil Psikotropik dan Eramin5
- VII. ****Termasuk Daun ketum, *Depressen*, *Dissoociative*, *Hallucinogens*, *Inhalan* dll
- VIII. Data jumlah jenis dadah yang diguna tidak semestinya menyamai jumlah penagih. Ini kerana terdapat penagih yang menggunakan lebih daripada satu jenis dadah.
- IX. Data Per Kes merujuk kepada seorang penagih yang mempunyai kesalahan satu atau lebih dalam tahun semasa. Manakala data Per Individu merujuk kepada data penagih yang dikira sekali sahaja dalam tempoh tertentu.

Jadual 3.9 : Jumlah penagih yang dikesan mengikut sebab menggunakan dadah, 2014-2018

Sebab menggunakan dadah/ Tahun	Kes / Individu	2014	2015	2016	2017	2018
Pengaruh Kawan	Per Kes	13,466	16,943	17,990	16,209	14,459
	Per Individu	13,189	15,844	15,634	13,134	11,324
Perasaan Ingin tahu	Per Kes	3,221	4,523	5,618	4,813	5,009
	Per Individu	3,137	4,056	4,626	3,656	3,720
Keseronokan	Per Kes	2,270	2,550	3,944	3,323	3,286
	Per Individu	2,215	2,529	3,400	2,495	2,510
Tekanan jiwa	Per Kes	1,986	1,572	1,910	1,214	1,953
	Per Individu	1,725	1,462	1,727	1,043	1,428
Lain-lain*	Per Kes	752	1,059	1,442	840	1,187
	Per Individu	719	957	1,284	690	878
Menahan sakit/ ketahanan badan	Per Kes	461	617	698	345	462
	Per Individu	421	557	640	297	295
Rangsangan	Per Kes	174	206	145	39	84
	Per Individu	144	176	134	33	61
Secara tidak sengaja	Per Kes	25	9	17	8	9
	Per Individu	25	9	17	6	7
Jumlah	Per Kes	22,355	27,479	31,764	26,791	26,449
	Per Individu	21,575	25,590	27,462	21,354	20,223

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan

Nota:

- I. *Kategori lain-lain adalah termasuk agresif, berasaskan pekerjaan, hiburan, kurang didikan agama, masalah kewangan, melangsingkan badan, penderaan, perubatan, rindu, seks, teraniaya tiada ilmu tentang bahaya dadah, untuk belajar dan sebagainya.
- II. Data Per Kes merujuk kepada seorang penagih yang mempunyai kesalahan satu atau lebih dalam tahun semasa. Manakala data Per Individu merujuk kepada data penagih yang dikira sekali sahaja dalam tempoh tertentu.



MAKLUMAT
DADAH

2018

BAHAGIAN II
RINGKASAN PENEMUAN
PENAWARAN DADAH



RINGKASAN PENEMUAN PENAWARAN DADAH

Kerajaan memandang serius masalah pengedaran dadah dalam Negara kerana ianya memberi ancaman kepada pembangunan sosial dan ekonomi Negara secara tidak langsung. Salah satu cabaran yang dihadapi adalah kerana kedudukan Malaysia berdekatan dengan kawasan Segi Tiga Emas (*The Golden Triangle*) iaitu Thailand, Lao PDR dan Myanmar. Kawasan Segi Tiga Emas merupakan kawasan penanaman, pengeluaran dan pengedaran dadah yang utama di dunia.⁶ Jadual 4.1 menunjukkan data tangkapan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952 pada tahun 2018 menurun sebanyak 0.45 peratus atau 157,677 orang berbanding tahun 2017 (158,386 orang).

Berdasarkan perkembangan terkini, jenis dadah *Amphetamine-Type Stimulant (ATS)* seperti *Methamphetamine* merupakan dadah yang paling besar permintaannya dan harga adalah lebih rendah di pasaran. Jadual 4.2 memaparkan rekod rampasan bagi *Methamphetamine (crystalline)* pada tahun 2018 telah meningkat lebih daripada 100 peratus berbanding tahun 2017. Penawaran dadah tradisional seperti ganja telah menurun dengan 30.0 peratus, manakala dadah jenis heroin meningkat dengan kadar yang minimum iaitu 21.3 peratus.

Berdasarkan jadual 4.3 harga dadah di pasaran bagi *Methamphetamine (Crystalline)* telah menurun sebanyak 28.6 peratus daripada RM70,000 per kg pada tahun 2017 kepada RM 50,000 per kg bagi tahun 2018. Penurunan harga bagi dadah *Methamphetamine (Crystalline)* menunjukkan berlaku lambakan dalam pasaran.

Jadual 4.4 memaparkan jumlah nilai harta yang disita di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 yang menunjukkan penurunan daripada RM113.723 juta pada 2017 kepada RM90.056 juta pada tahun 2018 (-20.81%). Bagaimanapun, harta yang berjaya dilucuthakan telah meningkat daripada RM7.026 juta pada tahun 2017 kepada RM 20.649 juta pada tahun 2018 (+193%). Jadual 4.5 menunjukkan bilangan kes dan tangkapan bagi makmal pemprosesan dadah yang dibongkarkan bagi tempoh 5 tahun. Rekod perbandingan antara tahun 2017 dan 2018 menunjukkan peningkatan dalam bilangan kes dan tangkapan bagi pembongkaran makmal dadah masing-masing sebanyak 94.4 peratus dan 61.6 peratus.

Berdasarkan jadual 4.4 dan 4.5, didapati secara relatif agensi-agensi penguatkuasaan Negara telah berjaya mengekang aktiviti pemprosesan & pengedaran dadah dalam dan ke luar negara.

⁶Ibid, muka surat 7

Jadual 4.1: Bilangan tangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, 2014 - 2018

Seksyen / Tahun	2014	2015	2016	2017	2018
Seksyen 39B ADB 1952 (Pengedaran)	4,923	5,354	5,771	6,759	6,884
Seksyen 39A (2) ADB 1952 (Major Pemilikan)	3,259	3,455	3,706	4,140	3,997
Seksyen 39A (1) ADB 1952 (Minor Pemilikan)	8,023	9,625	11,721	13,583	14,691
Seksyen - Seksyen Lain dibawah ADB 1952[Seksyen 6/ Seksyen 6B/ Seksyen 9/Seksyen 12(2)]	34,172	38,299	47,002	52,979	56,640
Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 - <i>self-administration</i>	81,435	84,205	85,004	80,925	75,465
Jumlah	131,812	140,938	153,204	158,386	157,677

Sumber: Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia & Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Jadual 4.2: Rampasan Dadah dan Bahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, 2014 - 2018

Dadah dan Bahan	Unit Ukuran	2014	2015	2016	2017	2018
GANJA (CANNABIS)						
Marijuana (<i>Herb</i>)	kg	579.11	1,844.20	2,945.46	2,696.27	1,894.76
Pokok Ganja	plant	72	52	23	75	11
OPIAT (ILLICIT OPIODS)						
Heroin	kg	453.79	742.84	440.18	603.07	731.49
Candu (Mentah & Masak)	kg	0.13	0.10	0.67	0.11	0.20
Kodein	Litre	1,584.48	3,169	5,616.00	10,216.33	37,263.85
KOKAIN (COCAINE)						
<i>Salt (Cocaine HCl, Powder Cocaine)</i>	kg	1.67	18.02	253.08	23.00	12.05
<i>Crack</i>	kg	33.40	-	-	-	-
Stimulan jenis Amfetamine (AMPHETAMINE—TYPE STIMULANTS)						
<i>Methamphetamin (kristal)</i>	kg	1,212.67	1,138.45	718.48	1,553.25	6,851.79
<i>Ecstasy</i>	Tablet	117,702	407,530	200,763	329,594	-
	kg	53.70	-	-	430.56	381.33
<i>Methamphetamin (biji)</i>	Tablet	557,335	538,176	895,499	908,015	-
	kg	0.52	4.35	-	-	226.12
<i>Methamphetamin (cecair)</i>	kg	41.76	260	429.00	460.07	269.89
SEDATIVES AND TRANQUILIZERS						
<i>Diverted/Counterfeit Prescription Drugs Containing Benzodiazepines*</i>	Tablet	467,133	2,018,960	1,891,852	-	-
Eramin 5	Tablet	-	-	-	4,430	-
	kg	-	-	-	-	912.38
<i>Benzodiazepines</i>	Tablet	-	-	1,879,942	2,752,122	-

Sumber: (i) Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia & Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
(ii) *Bagi tahun 2014 sehingga 2016, data adalah termasuk daripada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM

Jadual 4.2 Rampasan Dadah dan Bahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, 2014-2018

Dadah dan Bahan	Unit Ukuran	2014	2015	2016	2017	2018
SEDATIVES AND TRANQUILIZERS						
Pil Psikotropik*	Tablet	1,055,749	39,013	164,148	13,944	-
	kg	0.06	-	-	-	0.82
DRUGS UNDER NATIONAL BUT NOT INTERNATIONAL CONTROL						
Ketamine	kg	242.01	50.99	380.04	506.36	704.20
Ketum (Daun)	kg	-	28,961.44	124,717.89	81,028.57	87,564.84
Ketum (Cecair)	Litre	-	68,675	274,421	89,060.08	233,525.90
Daun Khat	kg	-	-	310.47	0.41	33.77

Sumber: (i) Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia & Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
